

86  
NO. SOALAN : 235

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara ya atau tidak, adakah rundingan penyelesaian pampasan dengan Measat Digicast Sdn Bhd merupakan satu-satunya isu yang membabitkan hal komersil dan pihak selain daripada agensi Kerajaan, yang menjadi batu penghalang kepada pewartaan Bukit Kiara sebagai Taman Awam Berskala Besar. Jika tidak, sila nyatakan apakah faktor penghalang komersil yang lain dan nama pihak swasta yang terlibat.

**JAWAPAN : YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan pewartaan Lot 54268, Mukim Kuala Lumpur, GRN 50043 seluas 40.53 hektar masih belum selesai dilaksanakan kerana Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) masih belum menerima penyerahan hakmilik Lot 54268 ini untuk dibatalkan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (JKPTG).

Setelah hakmilik ini diterima dan dibatalkan, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) akan mengambil tindakan perizaban atas tanah ini dengan membuat permohonan ukur ke Jabatan Ukur untuk maksud perizaban dan penyediaan warta perizaban menjadi tanah rizab Taman Awam Berskala Besar.

Sekian, terima kasih.